

MAKLUMAT AM PROGRAM SIJIL PENTAULIAHAN PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (MPSAS)

1. PENGENALAN

Peralihan kepada perakaunan akruan dan pemakaian MPSAS telah mengubah landskap perakaunan sektor awam dengan ketara dan kompetensi para akauntan perlu dipertingkatkan dengan menghadapi kompleksiti urusanniaga dalam sektor awam.

Pada masa ini, JANM menekankan kepada semua akauntan meningkatkan penguasaan dalam piawaian perakaunan MPSAS terutamanya berkaitan kemahiran membuat pertimbangan, kemahiran analitikal, penyelesaian masalah dan kemahiran berkomunikasi dengan disokong oleh nilai integriti yang tinggi.

JANM berazam untuk meningkatkan kemahiran teknikal dalam piawaian perakaunan di kalangan akauntan keseluruhannya dan akan berusaha bersungguh-bersungguh untuk mencapai matlamat tersebut.

Justeru itu, Program Sijil Pentauliahan MPSAS diperkenalkan bagi mengiktiraf tahap kompetensi pegawai dalam mengaplikasi pengetahuan perakaunan dan kepakaran berkaitan proses kerja, peraturan dan sumber, keupayaan membuat keputusan dan pengurusan masa.

2. OBJEKTIF PROGRAM

- i. Melengkapkan pengetahuan dan teknik yang relevan dalam menggunakan MPSAS serta mensimulasikan MPSAS dan polisi berkaitan ke dalam proses perakaunan serta operasi sedia ada di dalam organisasi.
- ii. Mengenalpasti isu, cabaran dan kaedah terbaik bagi mengelakkan ketidakpatuhan atau teguran dalam pengurusan kewangan.
- iii. Meningkatkan kemahiran dalam membuat pertimbangan secara profesional melalui pendedahan mendalam mengenai piawaian dan polisi yang ditetapkan oleh Kerajaan serta berteraskan nilai dan integriti.

3. PRA SYARAT KELAYAKAN

Kelayakan peserta

Bagi pengambilan peserta, calon perlu mempunyai pengetahuan awal berkaitan MPSAS yang berkuat kuasa dan memenuhi salah satu pra-syarat kelayakan seperti berikut:

Kriteria A	Kriteria B
<ul style="list-style-type: none"> • Telah menghadiri sekurang-kurangnya 60 jam kursus – kursus MPSAS anjuran JANM/MIA termasuk pengalaman mengajar yang dilantik oleh IPN; <p style="text-align: center;"><i>atau</i></p> • Telah menghadiri sekurang-kurangnya 4 kursus MPSAS di IPN; <p style="text-align: center;"><i>dan</i></p> • Mempunyai pengalaman bekerja berkaitan sekurang-kurangnya dua (2) tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memiliki Diploma IPSAS (CIPFA); <p style="text-align: center;"><i>dan</i></p> • Mempunyai pengalaman bekerja berkaitan sekurang-kurangnya dua (2) tahun.

4. KURSUS DAN PENILAIAN

Program pentauliah MPSAS akan mempunyai dua komponen yang utama iaitu kursus dan penilaian.

Pada peringkat awal pelaksanaan sebanyak 4 tajuk kursus dan 3 jenis Penilaian akan dilaksanakan. Pengisian Program Pensijilan MPSAS adalah seperti berikut:-

	HARI - 1	HARI -2	HARI - 3	HARI - 4	HARI - 5
8.30 PG – 10.30 PG	Intepretasi Perakaunan Kerajaan: Dasar dan Polisi Perakaunan Akruan (1)	<i>The Art of Professional Judgement for Financial Report (1)</i>	Taklimat Urusetia	Persediaan Penilaian Tahap 2: Soalan Kajian Kes Individu	Penilaian Tahap 1: Soalan Aneka Pilihan (MCQ)
11.00 PG – 1.00 PTG	Intepretasi Perakaunan Kerajaan: Dasar dan Polisi Perakaunan Akruan (2)	<i>The Art of Professional Judgement for Financial Report (2)</i>	Persediaan Penilaian Tahap 2: Cakna MPSAS - Perbincangan Kumpulan	Penilaian Tahap 2: Soalan Kajian Kes Individu	Penutup Kursus
2.30 PTG – 4.30 PTG	Isu Dan Cabaran Perakaunan Akruan Kerajaan : Analisis Jurang Dan Amalan Terbaik	<i>Case Study: MPSAS Insight</i>	Penilaian Tahap 2: Cakna MPSAS - Penilaian Pembentangan Kumpulan	Persediaan Penilaian Tahap 1: Soalan Aneka Pilihan (MCQ)	-TAMAT-

*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

5. STRUKTUR PENILAIAN

i) Peserta berdasarkan kriteria A

BIL	KATEGORI PENILAIAN	TAHAP
TAHAP 1		
1.	Ujian Objektif (MCQ)	1
TAHAP II		
2.	Pembentangan Kumpulan – Cakna MPSAS	2
3.	Penulisan Kajian Kes	2
4.	Penilaian Urus Setia (Komitmen & Penglibatan Kelas)	2

ii) Peserta berdasarkan kriteria B

BIL	KATEGORI PENILAIAN	TAHAP
TAHAP II		
1.	Pembentangan Kumpulan – Cakna MPSAS	2
2.	Penulisan Kajian Kes	2
3.	Penilaian Urus Setia (Komitmen & Penglibatan Kelas)	2

6. PENTAULIAHAN

Perakuan keputusan

- i. Semua keputusan calon akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Sijil Pentauliahan MPSAS untuk diperakukan.
- ii. Keputusan peserta akan dikategorikan kepada tiga (3) iaitu '**LULUS**', '**GAGAL**' atau '**TIDAK LENGKAP**'.

LULUS	GAGAL	TIDAK LENGKAP
<ul style="list-style-type: none"> • Telah menghadiri semua sesi kursus yang ditetapkan. • Melempi markah minimum yang ditetapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Telah menghadiri semua sesi kursus yang ditetapkan. • Tidak mencapai markah minimum yang ditetapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak menghadiri semua sesi kursus yang ditetapkan. <p style="text-align: center;"><i>atau</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak menduduki sebahagian atau semua sesi Penilaian yang ditetapkan.

- iii. Semua keputusan peserta yang lulus akan dikemukakan untuk kelulusan Akauntan Negara Malaysia.
- iv. Peserta yang gagal perlu mengulangi semua kursus dan penilaian jika ingin mendapatkan pentauliahan.